



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Ketua Polis Daerah Gombak, ACP Arifai Tarawe **menafikan** berlaku pergaduhan antara warga Rohingya dengan anggota Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di Pasar Borong Selayang pada 14 Mei 2020 seperti yang tular di media sosial. Beliau **menjelaskan** pihaknya tidak menerima sebarang laporan berkaitan kejadian sedemikian berlaku di kawasan Selayang. Beliau seterusnya **menyatakan** video kejadian yang tular tersebut dipercayai telah dirakam di Indonesia.
2. KFC Malaysia **menafikan** khabar angin bahawa pekerja kilang pemprosesan ayam di Pedas, Negeri Sembilan yang didakwa membekalkan ayam kepada KFC Malaysia didapati positif COVID-19. KFC **menjelaskan** kilang tersebut tidak membekalkan ayam kepada KFC Malaysia dan tiada kaitan langsung dengan pihaknya. KFC Malaysia juga **memberi jaminan** bahawa pihaknya sentiasa mematuhi garis panduan dan piawaian yang ketat dalam proses penyediaan makanan yang diiktiraf oleh JAKIM.

Pasukan Respons Pantas
KKMM
15 Mei 2020 | 6.30 Petang

